

# PM HADIRI MESYUARAT DAMAI ICO

ABU DHABI (UAE), Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed akan menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pendamai Pertubuhan Persidangan Islam (ICO) di Jeddah yang akan membincangkan usaha per-

damaian Iran-Iraq. Perdana Menteri akan tiba di Jeddah Jumaat ini mengakhiri lawatannya ke negara-negara Teluk selama tujuh hari.

Kehadiran Datuk Seri Dr. Mahathir ke mesyuarat itu besar artinya kerana inilah kali pertama Malaysia diwakili oleh Perdana Menteri

menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pendamai enam negara itu. Sebelum ini, mesyuarat kali pertama dan kedua pada Februari dan April lalu diwakili oleh Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen.

Jurucakap Wisma Putera yang mengiringi lawatan Perdana Menteri berkata, mesyuarat

Jawatankuasa itu akan membincangkan beberapa perkembangan terakhir dan kemungkinan resolusi konkrit mengakhiri konflik Iran-Iraq selama 17 bulan itu tercapai.

Jawatankuasa Pendamai ditubuhkan oleh ICO Januari tahun lalu.

## Pengunduran

Jawatankuasa itu dianggotai oleh enam negara iaitu Malaysia, Pakistan, New Guinea, Bangladesh, Turki dan Pertubuhan Pembebasan Palestin.

Bulan lalu, Setiausaha Agung ICO, Habib Chatti melaporkan perkembangan Jawatankuasa kali ketiga ini akan membincangkan secara mendalam resolusi perdamaian itu termasuklah usul gencatan senjata dan pengunduran tentera Iraq dari kawasan Iran.

Bagaimanapun, menurut jurucakap Wisma Putra, sekiranya mesyuarat Jawatankuasa itu berlarutan, Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie yang menyertai rombongan Perdana Menteri akan meneruskan mesyuarat itu.

Sementara itu, Datuk Seri Dr. Mahathir hari ini mengunjungi Perdana Menteri UAE, Sheikh Zayed Sultan Al-Nahyan di bandar Al-Ain.

Selepas pertemuan kira-kira sejam itu, Perdana Menteri dibawa melawat Universiti Al-Ain dan muzium.

Esok Perdana Menteri dan rombongannya akan berlepas ke Oman meneruskan lawatannya dan kemudian berlepas ke Jeddah.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2397

No. Penerimaan ..... 141/85